# Sinar Harian - 75 Peratus Restoran Tidak Dikenakan SST

Khamis, Sep 13 2018



## 75 peratus restoran tidak dikenakan SST

*Selepas nilai ambang cukai itu dinaikkan kepada RM1.5 juta*

MOHD HAFIZ ISMAIL

PUTRAJAYA

Sebanyak 75 peratus daripada kedai dan restoran di bawah cukai barang dan perkhidmatan (GST) tidak akan dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) selepas nilai ambang cukai itu dinaikkan kepada RM1.5 juta berbanding RM500,000 sebelum ini.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, bekas Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Tun Razak dilihat 'buat-buat tidak tahu' cukai perkhidmatan 6 peratus memang dikenakan di bawah SST, sama seperti GST.

Katanya, Najib secara berterusan merungut terpaksa membayar cukai perkhidmatan 6 peratus untuk minuman dan makanan di restoran dan kedai kopi walaupun beliau bukan seorang pengilang.

"Najib tidak harus berpura-pura tidak tahu perkara ini kerana beliau menjadi Menteri Kewangan sejak 2008, sebelum pelaksanaan GST pada 1 April 2015, di mana SST 6 peratus juga dikenakan sebagai cukai perkhidmatan untuk kedai kopi dan restoran.

"Perbezaannya ialah di bawah pelaksanaan SST, cuma restoran-restoran yang mempunyai pendapatan yang melebihi nilai ambang RM1.5 juta setahun sahaja yang dikenakan cukai perkhidmatan 6 peratus kepada pengguna," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

GUAN ENG

Kelmarin, menerusi satu hantaran di Facebook, Najib membalas komen Guan Eng mengenai isu kuih pau dikenakan SST.

Katanya, Guan Eng menyatakan cukai SST 6 peratus bagi pau dibeli Najib sama seperti 6 peratus yang dikenakan ketika pelaksanaan GST.

Beliau mempersoalkan, sekiranya sistem kutipan cukai sekarang sama seperti sebelum ini, mengapa GST ditukar dengan SST sedangkan harga barang tidak turun.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, nilai ambang diperkenalkan kerajaan membuktikan hanya 4,372 restoran yang mendaftarkan perniagaan mereka di bawah SST berbanding 17,574 restoran di bawah GST iaitu empat kali ganda lebih besar di bawah cukai itu.

"Bukankah kesan SST jauh lebih kurang daripada GST apabila hanya 25 peratus daripada restoran dan kedai kopi terkesan di bawah SST berbanding dengan GST?," soalnya.

Menurutnya, SST juga menyaksikan pengguna dapat menikmati harga kereta lebih rendah apabila sekurang-kurangnya lima jenama kereta iaitu Perodua, Honda, Toyota, Volkswagen dan BMW lebih murah berbanding dengan GST antara RM2,000 hingga RM3,000.

Sementara itu katanya, pihaknya akan bertemu Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) bagi membincangkan sama ada boleh mengikut jejak langkah persatuan itu di Pulau Pinang yang mengurangkan harga rumah 10 peratus bagi rumah berharga lebih RM300,000 dan 6 peratus untuk rumah mampu milik di bawah RM300,000.

"Kerajaan juga memberikan pengecualian SST terhadap bahan dan perkhidmatan binaan berlainan dengan GST yang mengenakan 6 peratus. Ini telah disambut baik oleh Rehda Pulau Pinang yang bersedia menurunkan harga rumah sehingga 10 peratus untuk rumah melebihi RM300,000, manakala diskaun 6 peratus dikenakan bagi rumah mampu milik berharga RM300,000.

"Kementerian Kewangan dengan kerjasama pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa menjalankan kempen antipencatutan kerana memang ada peniaga ambil kesempatan menaikkan harga sewenang-sewenangnya dan kerajaan meminta kerjasama orang awam untuk memberikan maklumat kenaikan harga barang yang tidak munasabah," katanya.

Pekeliling Perbendaharaan

Undian

BISNES AGENSI WARGA

## Perkhidmatan MOF

- Perkhidmatan Atas Talian
- Aplikasi Mudah Alih
- Laman Mikro
- e-Penyertaan & Maklumbalas
- Statistik & Prestasi
- Pautan
- Agensi

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my

Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Peta Laman | Bantuan | Arkib | Undian

**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216